



JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA
[*Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS)*]
ARAS 4, MENARA 4G1, WISMA TANI
NO . 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62624 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon : 03-8000 8000 / 03-8870 1000

Faks : 03-8888 6904 / 03-8888 4855

Portal : <http://www.maqis.gov.my>

Ruj. Kami : MAQIS 100-11/2/2 Jld.2 (62)

Tarikh : 2 Mei 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

PEMBERITAHUAN PELAKSANAAN SEKATAN EKSPORT BAGI SPESIS IKAN TERPILIH

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa perintah sekatan eksport bagi spesis ikan terpilih akan dilaksanakan bermula **1 Mei 2019 hingga 30 Jun 2019** meliputi spesis ikan kembung, ikan selar, ikan pelaling dan ikan selayang/sardin.
3. Ikan dalam bentuk basah/segar dan sejuk beku (*frozen*) bagi spesis di atas adalah tidak dibenarkan bagi pengeksportan. Bersama-sama ini dilampirkan Notis Sekatan Eksport Bagi Beberapa Spesis Ikan Terpilih dari Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk makluman dan tindakan pihan tuan/puan.
4. Segala perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan/puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian dimaklumkan.


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(SAIFUL YAZAN BIN ALWI)

Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan

- s.k
1. Semua Pengarah Bahagian, Ibu Pejabat MAQIS, Putrajaya
 2. Semua Ketua Pintu Masuk, MAQIS Negeri



**NOTIS SEKATAN EKSPORT BAGI BEBERAPA SPESIS IKAN TERPILIH
DARI 1 MEI 2019 SEHINGGA 30 JUN 2019**

1. Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia akan melaksanakan arahan sekatan bagi pengeksportan beberapa spesis ikan terpilih ke luar Negara.
2. Kaedah 5(3), Kaedah-Kaedah Pemasaran Ikan 2010, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, "Lembaga boleh menentukan kualiti, kuantiti dan jenis ikan yang hendak dieksport atau diimport".
3. Jika didapati mana-mana pengeksport ikan yang mengeksport ikan yang tidak dibenarkan dalam tempoh tersebut, adalah menjadi satu kesalahan di bawah Kaedah-kaedah Pemasaran Ikan 2010 dan boleh dikenakan di bawah Seksyen 17(1) dan 17(2), Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 iaitu:-
Seksyen 17(1) – Dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit (RM15,000) atau kedua-duanya.
Seksyen 17(2) – Didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit (RM25,000)
4. Spesis ikan terpilih yang dilarang bagi pengeksportan adalah seperti berikut:-
 - i. **Ikan Kembung**
 - ii. **Ikan Selar**
 - iii. **Ikan Selayang/ Sardin**
 - iv. **Ikan Pelaling**
5. Spesis ikan segar/basah dan sejuk beku (*frozen*) adalah tidak dibenarkan di eksport dalam tempoh sekatan.

Dengan Perintah,

KETUA PENGARAH

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

Ruj. Kami : MAQIS 100-11/2/2 Jld.2 (62)
Tarikh : Mei 2019

SENARAI EDARAN

Pengarah MAQIS Johor / Melaka
Aras 2, Bangunan Sultan Iskandar
80300 Johor Bahru
Johor

Pengarah MAQIS Negeri Selangor
d/a Stesen Kuarantin KLIA
Jalan Pekeliling 4, Zon Selatan
64050 KLIA Sepang
Selangor

Pengarah MAQIS Negeri Perlis
Tingkat Bawah, Kompleks LKIM Padang Besar
02100 Padang Besar
Perlis

Pengarah MAQIS Negeri Kelantan
Kompleks MAQIS Negeri Kelantan
17200 Rantau Panjang
Kelantan

Pengarah MAQIS Negeri Kedah
Aras Bawah, Block C-LKIM
Kompleks ICQ Bukit Kayu Hitam
06050 Bukit Kayu Hitam
Kedah

Pengarah MAQIS Negeri Pulau Pinang
d/a Stesen Kuarantin Batu Maung
9583 Jalan Ban,
11960 Bayan Lepas
Pulau Pinang

Pengarah MAQIS Negeri Perak
Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah
31350 Ipoh
Perak

Ruj. Kami : MAQIS 100-11/2/2 Jld.2 (62)
Tarikh : Mei 2019

Pengarah MAQIS Negeri Pahang/Terengganu

Pejabat MAQIS Pelabuhan Kuantan

Tingkat 1, Bangunan Kerajaan

Km 25, Tanjung Gelang

27250 Kuantan

Pahang

Pengarah MAQIS Negeri WP Labuan

d/a Stesen Kuarantin Labuan

Jalan Patau-Patau

Peti Surat 82071

87030 WP Labuan